

1.1 : WANG

Wang bermaksud sesuatu komoditi atau benda yang diterima umum sebagai alat atau media perantaraan pertukaran.

Ciri-ciri wang terbahagi kepada 6 iaitu:-

1. Diterima umum - penerimaan dan keyakinan orang ramai terhadap komoditi yang dijadikan wang
2. Penawaran terhad - apabila penawarannya terhad, ini akan menjamin kestabilan nilainya dan mendapat kepercayaan oleh orang ramai
3. Kestabilan nilai - merupakan barang yang mempunyai nilai yang tidak mudah berubah atau tidak mudah susut nilainya
4. Tahan lama - komoditi yang tidak mudah rosak
5. Mudah dibawa - ringan dan bersaiz kecil memudahkan pengguna membawanya
6. Boleh dibahagikan kepada unit yang lebih kecil - lebih memudahkan urus niaga

Jenis-jenis wang

terbahagi kepada 3 iaitu:-

1. Duit Syiling - Diperbuat daripada logam iaitu nikel dan gangsa. Merupakan wang tanda dan wang sah yang terhad. Contohnya 50 sen.
2. Wang Kertas - Wang dicetak bersandarkan kepada rizab antarabangsa. Merupakan wang tanda dan wang sah yang tidak terhad. Contohnya RM2.
3. Deposit Semasa - Merupakan wang yang disimpan dalam akaun semasa di bank perdagangan. Wang ini tidak diterima sebagai wang sah

Fungsi-fungsi wang

pula terbahagi kepada 4 iaitu:-

1. Perantaraan Pertukaran - perlu membuat bayaran untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan

2. Unit Ukuran Nilai - sesuatu barang / perkhidmatan dinilai dalam bentuk harga
3. Simpanan Nilai - menggalakkan orang ramai membuat tabungan dan pelaburan
4. Bayaran Tertunda - membolehkan pembayaran dilakukan secara ansuran

Kebaikan Sistem Wang Berbanding dengan Sistem Barter

1. Perantaraan Pertukaran
2. Ukuran Nilai
3. Simpanan Nilai
4. Bayaran Tertunda

1.2: BANK

Apa yang kita pelajari di dalam Ekonomi Asas SPM, bank terbahagi kepada 4 jenis iaitu:-

1. Bank Perdagangan
2. Syarikat Kewangan
3. Bank Saudagar
4. Bank Pusat

Saya syorkan kepada para pelajar agar menumpukan kepada Bank Perdagangan, Syarikat Kewangan dan Bank Pusat sahaja.

Fungsi Bank Perdagangan yang utama terbahagi kepada 4 (sebenarnya ada 5) iaitu:-

Menerima Simpanan / Deposit - iaitu deposit semasa, deposit tabungan dan deposit tetap

- Deposit Semasa - boleh guna cek, tidak dibayar faedah, ada caj bank, tidak menggunakan buku simpanan dan boleh mohon kemudahan overdraf.
- Deposit Tabungan - boleh dikeluarkan bila-bila masa, ada buku simpanan, diberi faedah dan ada kad bank.
- Deposit Tetap - simpanan untuk satu tempoh tertentu dan kadar faedah tinggi.

Memberi Pinjaman iaitu overdraf, akaun pinjaman dan mendiskaunkan bil-bil pertukaran.

- Overdraf - adalah pendahuluan jangka pendek, untuk pemegang akaun semasa sahaja, boleh dikeluarkan wang melebihi jumlah deposit dan dikenakan faedah.

- Akaun Pinjaman - pinjaman bercagar, pinjaman persendirian dan pinjaman melalui kad kredit
- Mendiskaunkan Bil-bil Pertukaran - membeli bil pada harga yang kurang daripada nilai muka dan ada faedah yang dikenakan.

Membuat & Menerima Bayaran Bagi Pihak Pelanggan iaitu cek, arahan kepada bank, kad kredit, draf bank dan pekhidmatan ATM, teleperbankan & internet

- Cek - buat & terima bayaran.
- Arahan kepada Bank - perintah sedia ada, debit langsung & pindahan kredit.
- Kad Kredit - beli barang secara kredit.
- Draf Bank - pengeluaran cek berdasarkan permintaan pelanggan.
- ATM, Teleperbankan & Internet - penggunaan terkini.

Mengurus Pertukaran Asing iaitu beli mata wang asing pada harga rendah & jual pada harga tinggi

Konsep Skim Perbankan Islam

Wadiah - pemegang amanah

Mudharabah - perkongsian untung

Murabahah - harga jualan lebih tinggi berbanding harga belian

Musyarakah - perkongsian menjalankan perniagaan

Bai Bithaman Ajil - jualan secara ansuran

Bai At Takjiri - sewa

Fungsi Bank Pusat ada 4 iaitu:-

Mengeluarkan Mata Wang

- mengeluarkan mata wang iaitu wang kertas dan duit syiling
- mencetak wang bergantung kepada keadaan
- cagaran dalam bentuk emas & pertukaran asing

Mengawal Kestabilan Nilai Mata Wang

- mewujudkan sandaran minimum dalam bentuk rizab antarabangsa
- mempengaruhi @ mencampuri dalam pasaran pertukaran asing

- mengawal inflasi

Jurubank Kepada Kerajaan

- mentadbir akaun kerajaan
- mengurus hutang negara
- memberi pendahuluan sementara
- mengurus pertukaran asing
- memberi nasihat pelaburan

Jurubank Kepada Bank Perdagangan

- mengawal nisbah rizab berkanun & nisbah rizab tunai
- menyelaraskan hutang dan cek antara bank perdagangan
- sumber pinjaman terakhir

Cara Bank Pusat Kawal Inflasi

- Rizab Tunai dinaikkan & kesannya jumlah penawaran wang dalam pasaran berkurang.
- Rizab Berkanun dinaikkan & kesannya jumlah pinjaman berkurang.
- Kadar Faedah dinaikkan & kesannya permintaan terhadap pinjaman berkurang.
- Jual Surat Jaminan Kerajaan & kesannya kuasa beli pengguna merosot.

Cara Bank Pusat Kawal Kemelesetan (Deflasi)

- Rizab Tunai diturunkan & kesannya jumlah penawaran wang dalam pasaran meningkat.
- Rizab Berkanun diturunkan & kesannya jumlah pinjaman meningkat.
- Kadar Faedah diturunkan & kesannya permintaan terhadap pinjaman meningkat.
- Beli Surat Jaminan Kerajaan & kesannya kuasa beli pengguna meningkat.

1.4 : RIZAB TUNAI DAN RIZAB BERKANUN

Rizab Tunai ialah sebahagian daripada wang tunai yang disimpan oleh bank perdagangan berdasarkan kepada jumlah deposit yang diterima daripada pelanggan.

Rizab Berkanun ialah simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit di sesebuah bank perdagangan.

BAB 1: INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK

Institusi Kewangan Bukan Bank di Malaysia terdiri daripada:-

1. Syarikat Insurans
2. Bank Simpanan Nasional (BSN)
3. Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH)
4. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Fungsi Institusi Kewangan Bukan Bank ialah:-

1. Menerima Deposit

- Akaun tabungan dan akaun tetap
- Premium insurans
- Akaun simpanan Tabung Haji
- Caruman daripada pekerja

2. Menggalakkan Tabungan

- Menyediakan perkhidmatan simpanan wang yang selamat
- Menawarkan pulangan yang menguntungkan
- Memudahkan pengeluaran & pembayaran
- Menyediakan bilangan cawangan yang banyak di seluruh negara
- Memberikan perlindungan hayat & harta benda

3. Menggalakkan Pelaburan

- Memberikan pinjaman kepada masyarakat
- Melaksanakan pelbagai projek pelaburan
- Menyalurkan tabungan untuk pelaburan

4. Sumber Kewangan kepada Pasaran Modal Negara

- Sumber kewangan kepada kerajaan
- Sumber kewangan kepada sektor swasta

Sumbangan Institusi Kewangan Bukan Bank Terhadap Ekonomi Negara Malaysia ialah:-

1. Menggalakkan Pelaburan - membiayai projek-projek pelaburan & pembangunan
2. Menggalakkan Tabungan - membuat pinjaman @ mengeluarkan simpanan
3. Meningkatkan Guna Tenaga - mengurangkan kadar pengangguran
4. Mengawal Kestabilan Ekonomi - mengawal inflasi dan kemelesetan ekonomi
5. Mengurangkan Pinjaman Luar Negara - sumber pinjaman dalaman